

Karnival Kokurikulum ketengah bakat pelajar

(lm. 5.6.2013 28)

LABUAN 4 Jun - Penuntut Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) perlu berani mengambil peluang mengetengahkan bakat dalam bidang yang mereka pelajari.

Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali berkata, program seperti Karnival Kokurikulum memberi peluang kepada warga UMSKAL terutama penuntut mempamerkan pelbagai *output* hasil pembelajaran mereka di universiti.

"Karnival Kokurikulum merupakan temasya yang penting bagi penuntut mempamerkan *output* pembelajaran mereka dalam bentuk persempahanan, pertunjukan dan pameran.

"Selain itu, karnival ini turut mengiktiraf bakat penuntut dan kakitangan di samping mengurangkan tekanan yang dihadapi menjelang minggu peperiksaan," katanya.

Beliau berucap dalam majlis Malam Penutupan Karnival Kokurikulum sempena Karnival Kokurikulum Semester Dua Sesi 2012/2013 di Dewan Utama UMSKAL, di sini baru-baru ini.

Majlis anjuran Pusat Kokurikulum dan Permaian Pelajar (PKPP) UMSKAL bertemakan UMSKAL Idol itu dikendalikan penuntut semester

dua sesi 2012/2013 universiti berkenaan khususnya pelajar-kursus Interim dan Muzik Moden.

Yang turut hadir, Pengarah PKPP, Prof. Madya Dr. Raman Nordin; Timbalan Pengarah (Akademik) PKPP, Jainurin Justine; Penolong Pendaftar PKPP UMS, Abdul Hafiz Ampuan Tajudin dan Penolong Pendaftar PKPP UMS-KAL, Fazdli Sarudi serta Pengarah Program, Eng Hwai Cuo.

Majlis itu turut dimeriahkan dengan pertandingan UMSKAL Idol Band (Terbuka), UMSKAL Idol Voice (Kakitangan dan Pelajar) dan UMSKAL Idol Dance (Terbuka).

Turut diadakan pertandingan *dodgeball* tertutup (Komuniti UMSKAL), badminton tertutup UMSKAL (pelajar dan kakitangan) dan Unduk Ngadau tertutup PKPP (Pelajar Kokurikulum).

Ismail berkata, kehadiran dan sokongan padu masyarakat Labuan yang turut memeriahkan karnival itu sekali gus membuktikan kewujudan UMSKAL adalah untuk bersama-sama penduduk tempatan.

"Saya mahu kakitangan dan pelajar UMSKAL berganding bahu dengan masyarakat tempatan dalam menganjurkan aktiviti yang membawa manfaat kepada kedua-dua pihak," katanya.



ISMAIL Ali (kanan) menyampaikan hadiah kepada pemenang reka cipta, Abdul Jamal dalam Karnival Kokurikulum UMSKAL di Labuan, baru-baru ini.